



PIHAK BERKUASA KEMAJUAN PEKEBUN KECIL PERUSAHAAN GETAH

(KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH)

KENYATAAN TENDER

Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (**RISDA**) mempelawa **kontraktor-kontraktor** yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan Pusat Khidmat Kontraktor (**PKK**) untuk mengemukakan tawaran bagi menjalankan kerja-kerja seperti berikut:-

No. Tender	Tajuk	Syarat-syarat Pendaftaran	Lawatan Tapak	Harga Dokumen	Tempoh Pembelian Dokumen Tender	Tarikh / Waktu Tutup / Pejabat Yang Mengeluarkan Tender
7.0 - 07/2014	CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN DEWAN BESAR DI LOT 1087, KOLEJ RISDA MUKIM AYER PA'ABAS, ALOR GAJAH, MELAKA	BERDAFTAR DENGAN CIDB Gred G6 Kategori B Pengkhususan 04 G6 - B - 04 Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) oleh CIDB Sijil Taraf Bumiputera (STB) oleh PKK	08.04.2014 (Selasa) Jam 11.00 pagi KEHADIRAN DIWAJIBKAN Petender diminta berkumpul di:- Kolej RISDA Kg. Ayer Pa'abas, 70800 Alor Gajah, Melaka (Tel : 06 552 9227)	RM 1,100.00	Mulai pada 09.04.2014 (Rabu) Sehingga 29.04.2014 (Selasa)	30.04.2014 (Rabu) Jam : 12.00 Tengahari Urusetia:- Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990 Kuala Lumpur

Bayaran dokumen tender hendaklah dalam bentuk Wang Tunai / Kiriman Wang Pos atau Deraf Bank atas nama **"KETUA PENGARAH RISDA"**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

Isnin hingga Khamis : Dari jam 08.30 pagi hingga 12.30 tengahari dan Dari jam 02.30 petang hingga 03.30 petang.

Jumaat : Dari jam 08.30 pagi hingga 11.30 tengahari dan Dari jam 03.00 petang hingga 03.30 petang.

Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada kontraktor yang sah saja. **Satu kontraktor** dibenarkan membeli hanya **satu naskah** dokumen tender sahaja. Untuk maksud ini, kontraktor / wakil kontraktor wajib membawa **SIJIL LAWAT TAPAK ASAL, SIJIL PENDAFTARAN ASAL PKK** dan **CIDB** yang masih sah tempoh pendaftaran serta **DUA (2) salinan pendua kedua-dua sijil berkenaan** untuk simpanan dan rekod pejabat ini semasa **membeli dokumen tender**. Perkhidmatan fotostat tidak disediakan. Petender dikehendaki menyediakan pengangkutan sendiri semasa menghadiri lawatan tapak.

Dokumen tender yang telah sempurna diisi dan ditandatangani hendaklah dimasukkan ke dalam **sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan jelas Nombor Tender dan Tajuk Kerja** dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender Urusetia Lembaga Perolehan RISDA, Tingkat 7, Bahagian Kewangan & Belanjawan, Ibu Pejabat RISDA, Jalan Ampang, 50990, Kuala Lumpur** tidak lewat daripada **30/04/2014 (Rabu) sebelum jam 12.00 tengahari**.

RISDA tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau sebarang tawaran. Bukti pos tidak dianggap sebagai bukti penerimaan.

**"PEMBERI & PENERIMA RASUAH ADALAH SALAH
DI BAWAH AKTA SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH MALAYSIA (AKTA 694)"**